

## PM jamin bantu projek usahasama HICOM

Dari BAKAR  
ISMAIL

NAGOYA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan Kerajaan Malaysia akan memberi setiap bantuan yang diperlukan bagi memastikan kejayaan projek enjin usahasama HICOM dengan syarikat-syarikat Jepun.

Jaminan ini diberi oleh Perdana Menteri ketika melawat dan mengadakan perbincangan ringkas dengan presiden dua syarikat pembuat motosikal — Yamaha dan Suzuki — di Hamanatsu Osaka.

Di kilang Yamaha, Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya diberi penerangan mengenai operasi kilang itu dan kemudian dihadiahkan 12 buah motosikal polis jenis XJ 550 oleh presiden syarikat itu, Encik Hisao Koike.

Perdana Menteri juga berbual mesra dengan sembilan pelatih Malaysia yang sedang menjalani latihan di kilang itu dan menasihati mereka supaya belajar dengan rajin dan bekerja keras seperti orang Jepun.

"Kalau mereka boleh buat, kita juga tentu boleh buat dan kalau kita tidak bekerja keras seperti mereka, bagaimana kita boleh jadi seperti mereka," kata Perdana Menteri.

Pelatih-pelatih Malaysia itu tiba di sini sejak September lalu di bawah rancangan latihan khas ke Jepun.

Di kilang Suzuki pula, Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan ringkas dengan pegawai-pegawai tinggi syarikat itu dan melahirkan penghargaan kepada syarikat itu atas kesediaannya menyertai projek usahasama membuat enjin dengan HICOM.

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih atas sumbangan kerusi beroda elektrik syarikat itu untuk orang cacat di Malaysia.

Syarikat Suzuki menghadiahkan lima buah jip Suzuki untuk Kerajaan Malaysia.

Syarikat Yamaha dan Suzuki adalah antara tiga syarikat Jepun yang bersetuju mengadakan usahasama dengan HICOM membuat enjin di Malaysia. Sebuah lagi syarikat ialah Honda.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia